

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK SILA BACA HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI SEBELUM ANDA MEMUTUSKAN UNTUK MENDAFTAR AKAUN EWALLET DENGAN TNG DIGITAL SDN BHD (TOUCH 'N GO EWALLET). SILA PASTIKAN ANDA JUGA MEMBACA TERMA DAN SYARAT TOUCH 'N GO EWALLET KERANA IA AKAN MENGIKAT ANDA.	TNG Digital Sdn. Bhd. Kad Visa Touch 'n Go eWallet 22 Mei 2026 Versi 6
--	---

1. Apakah produk ini?

Kad Visa Touch 'n Go eWallet ("Kad Visa") ialah kad debit yang boleh digunakan di seluruh dunia untuk membuat pembayaran barangan dan perkhidmatan serta pengeluaran tunai melalui Mesin Pengeluaran Automatik (ATM) menggunakan baki daripada aplikasi mudah alih Touch 'n Go eWallet anda di mana-mana terminal yang menerima Visa.

2. Apakah had transaksi?

Selain had akaun TNG eWallet, Kad Visa tertakluk kepada had pengeluaran tunai berikut mengikut tahap eWallet anda:

Pengeluaran Tunai	Had Harian	Had Bulanan
Had Transaksi	Maksimum 5 transaksi sehari	Tertakluk kepada had ambang sedia ada Touch 'n Go eWallet
Had Amaun Transaksi	Maksimum RM5,000 jumlah transaksi terkumpul harian (Had amaun bagi setiap transaksi adalah tertakluk kepada bank/pemeroleh ATM yang dipilih)	

Bagi transaksi dalam talian dan luar talian, Kad Visa juga tertakluk kepada had berikut:

Transaksi	Had Harian	Had Bulanan
Atas Talian	Maksimum 20 transaksi sehari atau maksimum RM9,999 jumlah transaksi terkumpul harian	Tertakluk kepada had ambang sedia ada Touch 'n Go eWallet
Luar Talian	PayWave Maksimum 20 transaksi sehari atau terhadap kepada RM20,000 jumlah transaksi terkumpul harian PIN Maksimum 20 transaksi sehari atau terhadap kepada RM20,000 jumlah transaksi terkumpul seharian	

3. Apakah yuran dan caj kad ini?

Jenis Kad	Kad Everyday	Kad Travel
Jenis Yuran	Yuran & Caj	
Yuran Permohonan Kad Visa (termasuk yuran penghantaran RM5)	RM15.00	RM20.00
Yuran Tahunan (dikecualikan untuk tahun pertama)	RM8.00	RM8.00
Yuran Penggantian Kad Visa*	RM15.00	RM20.00
Yuran Pembatalan Kad Visa	FREE	FREE
Pengeluaran Tunai ATM Dalam Negara	RM1.50	RM1.50
Pengeluaran Tunai ATM Luar Negara	RM10.00	RM10.00
Yuran Transaksi Lintas Sempadan	Dikecualikan sehingga pemberitahuan lanjut	Dikecualikan sehingga pemberitahuan lanjut

*Nota: Yuran penggantian Kad Visa hanya dikenakan bagi permohonan penggantian Kad Visa yang dibuat oleh Pemegang Kad Visa. Tidak dikenakan jika disebabkan oleh kerosakan Cip atau Kad Visa.

**Nota: Semua Yuran dan Caj termasuk cukai yang dikenakan, jika berkenaan.

4. Apakah kewajipan pengguna / terma utama produk ini? - Mendaftar melalui aplikasi TNG eWallet dan melengkapkan pengesahan eKYC. - Berumur 12 tahun ke atas dan menetap atau bekerja secara sah di Malaysia dengan alamat sah. - Mempunyai baki eWallet mencukupi dan tetapkan PIN 6-digit yang selamat. - Kad dan akaun tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh digunakan untuk aktiviti haram. - Pengguna bertanggungjawab untuk menyemak penyata, menjaga keselamatan kad/PIN, dan melaporkan kehilangan atau penyalahgunaan dengan segera. - TNGD berhak menggantung atau menamatkan kad/akaun jika terdapat aktiviti mencurigakan atau melanggar syarat. - Terma-terma boleh berubah dengan notis 21 hari melalui aplikasi atau laman web. Penting: Rujuk Terma dan Syarat penuh Kad Visa TNG eWallet untuk maklumat terperinci.
5. Apakah yang berlaku jika pengguna gagal memenuhi kewajipan mereka? - Pengguna bertanggungjawab atas kerugian akibat berkongsi maklumat keselamatan Kad Visa (contoh: PIN, nombor kad) dengan pihak yang tidak dibenarkan — TNGD tidak akan bertanggungjawab. - Moneyback Guarantee tidak terpakai jika pengguna cuai, membenarkan akses pihak ketiga, membuat tuntutan berganda, atau gagal menyediakan maklumat/dokumen yang diperlukan. - Guarantee juga tidak terpakai dalam kes penipuan, bencana alam, kesilapan sistem, peranti yang telah di-root/jailbreak, atau muat turun aplikasi tidak rasmi. - TNGD berhak menyekat, menggantung, atau menamatkan Kad Visa/akaun jika terdapat pelanggaran terma atau aktiviti yang mencurigakan, penipuan, atau tidak sah. - Transaksi mungkin gagal atau tertangguh kerana baki eWallet tidak mencukupi – bayaran tertunggak akan ditolak apabila dana dimuat naik semula. Penting: Sentiasa patuhi terma penuh dan gunakan aplikasi dengan selamat bagi mengelakkan kehilangan perlindungan.
6. Apakah risiko utama? Pengguna tidak boleh berkongsi maklumat keselamatan Kad Visa dengan sesiapa, elakkan menggunakan aplikasi di rangkaian awam yang tidak selamat, dan lindungi peranti mudah alih daripada kecurian atau pengambilalihan akaun. Pastikan aplikasi TNG eWallet sentiasa dikemas kini. Jika Kad Visa pengguna hilang, dicuri, atau mereka mengesyaki berlaku transaksi tidak dibenarkan, pengguna mesti mengunci Kad Visa mereka dengan segera melalui salah satu cara berikut: - Log masuk ke dalam Aplikasi TNG eWallet dan memilih fungsi “kunci kad”; atau - Menghubungi kami di +603-5022 3888 (Isnin–Ahad, 7:00 pagi – 10:00 malam)
7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan saya? Ini adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua urusan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat perhubungan anda, sila pilih salah satu daripada pilihan berikut: - Menghubungi kami di +603-5022 3888 (Isnin–Ahad, 7:00 pagi – 10:00 malam); atau - Mengisi borang pelanggan yang boleh didapati di laman web kami.
8. Siapakah yang bertanggungjawab atas transaksi tanpa kebenaran akibat kehilangan atau kecurian? Jika pengguna belum mengesahkan akaun mereka, mereka akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang transaksi tidak dibenarkan akibat kehilangan atau kecurian. Namun, sekiranya proses Pengesahan Akaun telah diselesaikan, pengguna layak untuk polisi Moneyback Guarantee. Sekiranya berlaku transaksi tidak dibenarkan, sumber dana mestilah datang daripada Aplikasi TNG eWallet milik pengguna sendiri. Pengguna perlu mengemukakan tuntutan Moneyback Guarantee Wang dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh transaksi tidak dibenarkan tersebut. Untuk maklumat lanjut mengenai polisi Moneyback Guarantee, anda boleh lawati pautan yang disediakan. Walau bagaimanapun, kami mungkin menghadkan liabiliti pengguna bagi pembayaran tanpa sentuh kepada RM250, dengan syarat pengguna tidak bertindak secara penipuan dan dapat mengemukakan bukti yang mencukupi.
9. Bolehkah pengguna menamatkan Kad Visa mereka? Ya, pengguna boleh menamatkan Kad Visa mereka dengan menghubungi talian khidmat pelanggan kami di +603-5022 3888. Penamatan Kad Visa pengguna tidak akan menjejaskan baki atau penggunaan dana dalam Aplikasi TNG eWallet. Pengesahan penamatan akan diberikan secara bertulis oleh pasukan khidmat pelanggan kami.
10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kad Visa ini?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui bahagian “Help” pada papan pemuka Kad Visa dalam Aplikasi TNG eWallet atau hubungi kami di:

Alamat:

Touch 'n Go Customer Experience Centre
Ground floor, Tower 6, Avenue 5, Bangsar South,
No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Telefon: +603-5022 3888

Waktu Operasi:

Isnin-Jumaat (Hari Bekerja sahaja)
9.00am – 5.00pm

Borang pelanggan: [Klik di sini](#) Laman web Kad Visa: [Klik di sini](#)